



# TPM ucap tahniah dua pelajar MARA, catat pencapaian terbaik peperiksaan ACCA

Mei 3, 2023 @ 9:58pm

## TAHNIAH



**SAUDARI JULEA QIESTYNA ABU ZAR**  
Pelajar ACCA FIA Fakulti Perakaunan, UiTM Cawangan Perak

yang mendapat  
**MARKAH TERTINGGI DI MALAYSIA  
DAN KEDUA TERTINGGI DI DUNIA**  
bagi kertas peperiksaan  
**RECORDING FINANCIAL TRANSACTIONS (FA1)**  
pada Sesi Mac 2023

*Ikhlas daripada,*  
**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI | MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH | PRESIDEN UMNO

## CONGRATULATIONS



**DANISH ZAFRAN BIN BAZAM**  
UITM Shah Alam Campus

**TOP ACCA PRIZE WINNER**  
MARCH 2023 EXAMINATIONS

**PM (PERFORMANCE MANAGEMENT)**  
1st in Malaysia; 3rd in the world

*Sincerely,*  
**AHMAD ZAHID HAMIDI**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI | MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH | PRESIDEN UMNO

Ahmad Zahid harap kejayaan dua pelajar jadi inspirasi kepada semua pelajar tajaan MARA.  
- Foto FB Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, menzahirkan ucapan tahniah kepada dua pelajar tajaan MARA, Julea Qiestyna Abu Zar dan Danish Zafran Bazam, atas pencapaian terbaik dalam peperiksaan Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA).

Julea Qiestyna, pelajar ACCA FIA Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, memperoleh markah tertinggi di Malaysia dan kedua tertinggi di dunia bagi kertas peperiksaan 'Recording Financial Transactions' (FA1) pada sesi Mac lalu.

Sementara itu, Danish Zafran, penuntut UiTM Shah Alam memperoleh 'Top ACCA Prize Winner' selepas beliau mendapat tempat pertama di peringkat kebangsaan dan ketiga di dunia dalam kertas peperiksaan 'Performance Management', juga pada Mac lalu.

"Sekalung tahniah diucapkan kepada dua pelajar tajaan MARA kerana berjaya dinobatkan sebagai ACCA 'World Prize Winners'.

"Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi buat semua pelajar tajaan MARA yang lain. 'All the best'," katanya, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, menerusi catatan di Facebook, hari ini. – BERNAMA